

NAMA:.....

TINGKATAN:.....



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
NEGERI PERAK

---

MODUL KECEMERLANGAN SPM 2024

SET 1

---

**PERNIAGAAN**

KERTAS 1

1 JAM 15 MINIT

---

**ARAHAN :**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*

---

*Kertas peperiksaan ini mengandungi 15 halaman bercetak*

1. Antara yang berikut, apakah tujuan organisasi bukan bermotifkan untung?
  - A. Menawarkan perkhidmatan kepada orang awam
  - B. Meningkatkan perkhidmatan di hospital swasta
  - C. Memenuhi permintaan pengguna industri
  - D. Menjual barang kepada orang ramai
  
2. Pilih padanan yang tepat.

	<b>Kurnia Idaman Sdn Bhd</b>	<b>MK Land Berhad</b>
A	Saham syarikat diurusniagakan di Bursa Saham	Saham syarikat tidak diurusniagakan di Bursa Saham
B	Pemegang saham menanggung liabiliti terhad	Pemegang saham menanggung liabiliti tidak terhad
C	Bilangan ahli antara 2 hingga 50 orang	Bilangan ahli antara 2 hingga tiada had
D	Laporan kewangan perlu diumumkan kepada orang awam	Laporan kewangan perlu dilaporkan kepada pemegang saham

3. Pernyataan berikut berkaitan dengan satu bentuk perniagaan.

Encik Alias telah mendapat hak kebenaran menggunakan jenama Burger Sadek milik Encik Salim Sadek.

Mengapakah Encik Alias menjalankan perniagaan tersebut?

- A. Mengubah cara perniagaan mengikut trend semasa
  - B. Merancang promosi dengan rakan niaga yang lain
  - C. Menambahbaik pelbagai pilihan barang
  - D. Mendapat keseragaman reka bentuk produk
- 
4. Apakah kekurangan perniagaan bersaiz kecil?
    - A. Kos pengeluaran yang tinggi
    - B. Mempunyai daya saing yang tinggi
    - C. Mudah mendapat pekerja mahir dan pakar
    - D. Cepat dan mudah menyelesaikan rungutan pelanggan

5. Berikut merupakan maklumat berkaitan dengan skala perniagaan.

De-Nas Enterprise merupakan pengeluaran produk berasaskan minyak urut. Produk keluaran perniagaannya dipasarkan di sekitar Kuala Kangsar, Taiping dan Pengkalan Hulu.

Apakah skala perniagaan De-Nas Enterprise?

- A. Domestik
- B. Negeri
- C. Global
- D. Kebangsaan

6. Pernyataan berikut menunjukkan tindakan kerajaan untuk mengawal keadaan ekonomi.

- Menurunkan kadar faedah
- Menurunkan kadar cukai

Tindakan kerajaan di atas adalah bertujuan untuk mengatasi masalah \_\_\_\_\_

- A. Subsidi
- B. Cukai
- C. Inflasi
- D. Deflasi

7. Antara berikut, manakah langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah pengangguran kitaran?

- A. Melaksanakan dasar fiskal dan kewangan
- B. Memberi pelbagai insentif kepada perniagaan
- C. Kerajaan perlu peka dengan perubahan global
- D. Menggalakkan penggunaan mesin dalam pengeluaran

8. Logo 1 di bawah berkaitan dengan sebuah agensi kerajaan.



Logo 1

Apakah peranan agensi tersebut terhadap perkembangan aktiviti perniagaan?

- A. Mempertingkatkan latihan pembangunan keusahawanan
- B. Meneroka pasaran baharu untuk perdagangan luar negara
- C. Menyediakan khidmat nasihat perundangan kepada perniagaan
- D. Memastikan keluaran di pasaran menepati piawaian yang ditetapkan

9. Pernyataan manakah **benar** tentang jenis pengangguran.

	<b>Jenis Pengangguran</b>	<b>Keterangan</b>
A	Struktur	Penggunaan peralatan moden menggantikan tenaga pekerja
B	Bermusim	Pekerja bekerja untuk suatu tempoh dalam setahun
C	Teknologi	Berlaku akibat kemelesetan ekonomi di seluruh dunia
D	Kitaran	Pertambahan pekerja dalam sektor utama dan sektor kedua

10. Jadual 1 berkaitan jualan perniagaan Ayam Gunting Kays.

<b>Bulan</b>	<b>Januari</b>	<b>Februari</b>	<b>Mac</b>
Jualan (RM)	10 000	10 100	9 900

Jadual 1

Mengapakah berlaku trend jualan di atas ?

- A. Kenaikan harga barang
- B. Penurunan harga barang
- C. Pekerja yang cekap
- D. Tiada pembaharuan produk

11. Mengapakah berlaku trend menurun dalam persekitaran perniagaan?

- A. Sumber manusia profesional
- B. Penggunaan teknologi terkini
- C. Gaya pengurusan autokratik
- D. Pemasaran tidak berkesan

12. Apakah visi organisasi bukan bermotifkan untung?

- A. Menawarkan produk dan perkhidmatan yang berkualiti
- B. Melibatkan semua pihak dalam aktiviti kemasyarakatan
- C. Menyediakan perkhidmatan penghantaran barang
- D. Memuaskan kehendak pemilik perniagaan

13. Pernyataan berikut berkaitan dengan objektif perniagaan.

Bagi mencapai objektif perniagaan, organisasi perlu mengurus semua sumber dengan optimum dan mencukupi.

Apakah ciri-ciri objektif perniagaan yang tepat bagi pernyataan tersebut?

- A. Boleh diukur
- B. Spesifik
- C. Munasabah
- D. Boleh dicapai

14. Apabila keuntungan perniagaan tidak berkembang, apakah perubahan yang boleh dilakukan kepada visi dan misi syarikat?

- A. Menarik pelabur baharu melalui dalam pasaran
- B. Mengetatkan syarat pinjaman oleh Bank Pusat
- C. Penggunaan teknologi maklumat secara optimum
- D. Mencari pembekal yang baharu

15. Apakah faktor dalaman dan faktor luaran yang mempengaruhi persekitaran perniagaan?

	<b>Faktor Dalaman</b>	<b>Faktor Luaran</b>
A	Ekonomi	Undang-undang
B	Ekologi	Pemasaran
C	Kewangan	Gaya pengurusan
D	Sumber manusia	Politik

16. Mengapakah penggunaan teknologi maklumat penting dalam urusan perniagaan?

- A. Mewujudkan hubungan dan jaringan yang luas
- B. Memudahkan pelanggan mencuba barang
- C. Meminimumkan keuntungan perniagaan
- D. Meningkatkan persaingan perniagaan

17. Maklumat berikut berkaitan aktiviti yang dijalankan oleh satu bahagian fungsian dalam organisasi perniagaan.

- Menentukan pilihan pembekal
- Menentukan kuantiti dan spesifikasi barang

Apakah bahagian fungsian yang berkaitan dengan aktiviti tersebut?

- A. Jualan
- B. Pemasaran
- C. Pembelian
- D. Kewangan

18. Maklumat di bawah berkaitan peranan satu bahagian fungsian.

Menghasilkan produk yang unggul dan berdaya saing.

Apakah bahagian fungsian yang terlibat dalam aktiviti di atas?


- A. Teknologi maklumat dan komunikasi
- B. Penyelidikan dan pembangunan
- C. Pemasaran dan jualan
- D. Pembelian

19. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan peranan bahagian fungsian sumber manusia?

- I Memantau aktiviti setiap bahagian fungsian
- II Menyelesaikan pertikaian semasa proses perundingan
- III Membentuk polisi berkaitan pembangunan kerjaya pekerja
- IV Membantu menyelesaikan masalah penggunaan perisian baharu

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

20. Rajah 1 berkaitan dengan saluran agihan.



Rajah 1

Produk yang manakah sesuai menggunakan saluran agihan tersebut?

- A. Kapal terbang
- B. Kosmetik
- C. Khidmat peguam
- D. Barang dapur

21. Maklumat yang berikut berkaitan dengan konsep pengurusan yang diamalkan dalam sebuah organisasi.

- *Total Quality Management*
- *Zero defect*
- *Kaizen*

Apakah peranan yang dimainkan oleh pengurusan sumber manusia organisasi tersebut?

- A. Prestasi pasaran
- B. Pemberhentian pekerja
- C. Pemantapan budaya profesional
- D. Pemberian insentif yang munasabah



22. Pernyataan manakah yang berkaitan dengan produk siap?

- A. Barang siap yang sedia dipasarkan
- B. Bekalan yang digunakan dalam operasi sesebuah perniagaan
- C. Bekalan yang digunakan untuk menghasilkan barang lain
- D. Barang akhir setelah siap diproses untuk dijual

23. Maklumat berikut berkaitan dengan prosedur mengurus sumber dalam operasi perniagaan.

Hak eksklusif untuk reka cipta bagi menghasilkan barang baharu.

Apakah perlindungan yang layak diterima oleh reka bentuk tersebut?

- A. Paten
- B. Lesen perisian
- C. Cap dagangan
- D. Hak cipta terpelihara

24. Maklumat di bawah berkaitan hubung kait antara kemahiran keboleherjaan dengan kejayaan sebuah perniagaan.

**IKLAN JAWATAN KOSONG SYARIKAT AIR PERLIS (SAP)**

Pemohon terbuka kepada warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan bertaraf Tetap/Kontrak di **Lembaga Air Perak (LAP)** seperti berikut:

<b>NAMA JAWATAN/GRED</b>	<b>KELAYAKAN</b>
Juruteknik ICT	Diploma
Juruteknik Awam	Diploma
Juruteknik Operasi (HR & Kewangan)	SPM
Pembantu Operasi (Teknikal)	SPM

Apakah jenis keboleherjaan yang diperlukan oleh pekerja bagi jawatan kosong tersebut?

- A. Berpengalaman
- B. Kelayakan yang sesuai
- C. Keberkesanan mencapai sasaran
- D. Berpengetahuan tentang produk

25. Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pembiayaan luaran.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"><li>• Menyewa aset dengan tujuan membeli aset tersebut.</li><li>• Usahawan perlu membayar sewa kepada bank.</li><li>• Hak milik barang selepas semua ansuran dijelaskan.</li></ul> |
|--|

Apakah jenis pembiayaan luaran tersebut?

- A. Pajakan
- B. Ar-Rahnu
- C. Sewa beli
- D. Pemfaktoran


26. Apakah struktur organisasi yang digunakan secara meluas oleh kebanyakan organisasi?
- Struktur organisasi berdasarkan fungsi
  - Struktur organisasi berdasarkan produk
  - Struktur organisasi berdasarkan geografi
  - Struktur organisasi berdasarkan pelanggan
27. Logo 2 berkaitan satu badan kerajaan.



Logo 2

Apakah peranan badan tersebut?

- Memberi latihan kemahiran kepada peniaga
  - Membantu usahawan PKS untuk berdaya maju
  - Membangunkan infrastruktur asas perniagaan
  - Memasarkan produk bagi pihak usahawan PKS
28. Rajah 2 berkaitan dengan rekod kewangan dalam penyata kewangan



Rajah 2

Apakah X?

- Akaun Perdagangan dan Untung Rugi
- Akaun Penerimaan dan Pembayaran
- Penyata Penyesuaian Bank
- Penyata Penerimaan Tunai

29. Mengapakah promosi penting dalam proses pemasaran barang kepada pengguna?
- A. Untuk menghasilkan produk yang berkualiti
  - B. Untuk menghadapi persaingan perniagaan
  - C. Untuk menentukan harga yang berpatutan
  - D. Untuk menjamin keuntungan yang tinggi

30. Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Syarikat Megah Holding Sdn. Bhd.

<b>Butiran</b>	<b>RM</b>
Untung kasar	55 500
Untung bersih	32 600
Jualan	107 800
Modal awal	100 000

Berapakah peratusan pulangan atas modal bagi perniagaan tersebut?

- A. 55.50%
  - B. 51.48%
  - C. 32.60%
  - D. 30.24%
31. Manakah kepentingan penyata kewangan kepada pihak- pihak tertentu dalam perniagaan?

	<b>Pihak berkepentingan</b>	<b>Kepentingan</b>
I	Pengurusan	Menilai kecekapan dalam pengurusan hutang sebelum memberikan pinjaman
II	Pelabur	Membuat keputusan untuk pemberian ganjaran
III	Pembiaya	Mengetahui kemampuan perniagaan membayar kredit
IV	Pemilik	Mengetahui kedudukan kewangan perniagaan

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

32. Apakah kelebihan menjadi seorang usahawan kepada negara?
- Membuka peluang pekerjaan
  - Membuka perniagaan baharu
  - Memberikan pelbagai produk yang ditawarkan
  - Memperkenalkan produk tempatan ke luar negara
33. Antara yang berikut, manakah faktor pemilihan lokasi perniagaan yang sesuai oleh seseorang usahawan?
- Terdapat kesesakan lalu lintas
  - Jauh dari tempat kediaman
  - Kemudahan infrastruktur yang lengkap
  - Berhampiran dengan pembekal bahan mentah
- I dan II
  - I dan IV
  - II dan III
  - III dan IV
34. Manakah yang benar tentang perbezaan entiti perniagaan?

	<b>Perniagaan</b>	<b>Syarikat</b>
A	Dimiliki oleh rakan kongsi	Dimiliki oleh pemegang saham
B	Menanggung liabiliti terhad	Menanggung laibiliti terhad
C	Sumbangan modal daripada saham	Sumbangan modal daripada pemilik perniagaan
D	Perniagaan diurus oleh lembaga pengarah	Perniagaan diurus oleh pekongsi

35. Apakah dokumen rujukan bagi merekod aktiviti jualan secara kredit dalam urus niaga perniagaan?

- A. Memo
- B. Invois
- C. Bil tunai
- D. Resit rasmi

36. Maklumat yang berikut merupakan suatu kaedah promosi dalam campuran pemasaran.

- Menyalurkan maklumat sesuatu produk dan perkhidmatan melalui media masa
- Kos siaran ditanggung media masa
- Mesej mempunyai kredibiliti yang tinggi

Apakah kaedah tersebut?

- A. Jualan langsung
- B. Promosi jualan
- C. Pengiklanan
- D. Publisiti

37. Maklumat yang berikut berkaitan dengan Penyata Aliran Tunai.

- Pinjaman
- Jualan Tunai

Di bahagian manakah maklumat tersebut dicatatkan dalam Penyata Aliran Tunai?

- A. Pembayaran
- B. Penerimaan
- C. Baki h/b
- D. Baki b/b

38. Apakah kepentingan Rancangan Perniagaan kepada peniaga?
- A. Mencari pekerjaan yang baharu
  - B. Memberi panduan untuk pinjaman
  - C. Merancang keperluan sumber perniagaan
  - D. Membuat pelaburan untuk sesebuah perniagaan
39. Antara yang berikut, manakah maklumat yang perlu ada dalam ringkasan eksekutif?
- I Nama perniagaan
  - II Modal permulaan
  - III Jenis perniagaan
  - IV Sasaran untung
- A. I dan II
  - B. I dan IV
  - C. II dan III
  - D. III dan IV
40. Pernyataan manakah yang merupakan maklumat yang terkandung dalam rancangan operasi?
- A. Susun atur ruang bangunan dan kilang
  - B. Carta aliran proses
  - C. Senarai alatan pejabat
  - D. Pembahagian tugas semua pekerja

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**